



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGURUSAN KESELAMATAN DAN RISIKO DALAM AKTIVITI
REKREASI DI SEKOLAH MENENGAH TERPILIH DALAM
ZON UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA**

ABDUL SHUKOR BIN ZAINAL ABIDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGURUSAN KESELAMATAN DAN RISIKO DALAM AKTIVITI
REKREASI DI SEKOLAH MENENGAH TERPILIH DALAM
ZON UTARA SEMENANJUNG MALAYSIA**

ABDUL SHUKOR BIN ZAINAL ABIDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya



12.3.2006

ABDUL SHUKOR BIN ZAINAL ABIDIN
99200005





PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia, Dr Ahmad bin Hashim yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga dalam memberi tunjuk ajar, bimbingan, idea dan cadangan-cadangan yang tidak ternilai. Beliau telah memberi bimbingan dan membantu penyelidik dengan penuh sabar dan dedikasi tanpa mengira masa dan tempat. Semuga pengorbanan dan usaha mulia beliau akan diberkati dan dapat dijadikan model.

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr Jabar bin Hj Johari yang telah memberikan banyak nasihat, cadangan dan bimbingan dari peringkat awal sehinggalah penyelidik berjaya menjalankan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih juga kepada Prof Madya Dr Hj Shaharudin bin Abd Aziz yang telah banyak membantu penyelidik, dan kepada Pengarah Pendidikan Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang serta semua pengetua di sekolah yang telah banyak memberikan kerjasama.

Tidak ketinggalan dirakamkan rasa penghargaan dan terima kasih khas untuk kedua ibu bapa, isteri, anak-anak dan semua individu yang telah sama-sama berdoa, berkorban, menyumbang dan memberi sokongan kepada penyelidik untuk melengkapkan disertasi ini.

Abdul Shukor bin Zainal Abidin





ABSTRAK

Penyelidikan ini telah dijalankan di sekolah menengah terpilih dalam zon utara Semenanjung Malaysia. Seramai 140 orang responden telah terlibat dalam penyelidikan diskriptif ini. Soal selidik telah dibina berasaskan 6 elemen pengurusan keselamatan dan sebelas elemen dalam pengurusan risiko. Tujuan penyelidikan ini ialah untuk mengenal pasti sama ada elemen-elemen pengurusan keselamatan dan pengurusan risiko diberi perhatian oleh guru dan pengurus sekolah apabila merancang dan melaksana aktiviti yang melibatkan murid keluar dari sekolah, dan adakah terdapat perkaitan antara tempoh perkhidmatan guru; kekerapan bertugas menjadi pengiring kepada murid untuk aktiviti di luar sekolah; dan kekerapan guru mengikuti kursus-kursus profesional dengan elemen-elemen pengurusan keselamatan dan pengurusan risiko. Sebanyak 19 item soal selidik telah dibina dalam aspek pengurusan keselamatan dan 21 item soal selidik dalam aspek pengurusan risiko.

Kajian ini mendapati lebih daripada 70 % guru dan pengurus sekolah menunjukkan keperihatinan kepada beberapa elemen keselamatan dan risiko semasa merancang dan melaksana aktiviti untuk murid. Aspek keselamatan peralatan, taklimat, perhubungan surat menyurat, maklumat berkaitan dengan tempat aktiviti, perbincangan antara rakan serta menganalisis kemungkinan yang akan berlaku diberi perhatian. Terdapat juga aspek-aspek lain yang masih kurang mendapat perhatian seperti keperluan pendedahan kepada amali pertolongan cemas, mengemas kini rekod kesihatan dan menyemak kelayakkan profesional guru sebelum diberi tanggungjawab.

Kajian ini juga mendapati tidak terdapatnya korelasi yang signifikan antara tempoh perkhidmatan guru dengan pengurusan keselamatan dan rekreasi; kekerapan menghadiri kursus profesional dengan pengurusan keselamatan dan risiko. Terdapat korelasi yang rendah antara kekerapan bertugas mengiringi pelajar dalam aktiviti di luar sekolah dengan pengurusan keselamatan($r = 0.17$, $n=140$, $p<0.05$) dan pengurusan risiko($r = 0.24$, $n=140$, $p<0.05$).





ABSTRACT

This research was carried out on teachers and school managers in the northern zone of Peninsular Malaysia. 140 respondents were given the questionnaires. The questionnaire were drafted based on 6 elements in the safety management aspects and eleven elements on risk managements. The objective of this research was to identify the common practices regarding safety and risk managements amongst teachers and school administrators in planning and executing their outdoor activities for students; to see if there were any correlation between the number of years in service with safety and risk management practices; the frequency of attending professional courses with safety and risk management practices; and the frequency of serving as students chaperon or teacher in-charge in outdoor activities with the safety and risk management practices. 19 items regarding the safety management elements and 21 items regarding to risk managements were posed to the respondents.

The result of the survey indicated that more than 70 % of the teachers and school administrators were concerned with safety and risk elements. The aspects of equipment inspections, briefings, correspondences, information about the intended venue, the discussions that took place to view the possibilities of unforeseen consequences were dealt with. The result also indicated that there were few areas of concern that these teachers and school administrators did not give enough thought. The important of first aid knowledge being practiced, the health records that should be updated and informed and the necessary qualifications of teachers in particular area viewed before entrusting them with responsibilities.

This study did not find any significant relationship between the number of years served with the safety and risk management practices; the frequency of attending professional courses with the safety and risk management practices. There was a weak correlation between the frequency of being assigned as chaperons or teachers in-charge bringing students out of school for activities with the safety ($r = 0.17$, $n=140$, $p<0.05$) and risk management ($r = 0.24$, $n=140$, $p<0.05$) practices.





KANDUNGAN

Muka Surat

KANDUNGAN	ii
SENARAI RAJAH	iii
SENARAI JADUAL	iv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan masalah	5
1.3	Kepentingan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Batasan Kajian	11
1.7	Definisi Operasional	13

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Latar Belakang Pengurusan Keselamatan dan Risiko	20
2.3	Teori Kemalangan	22
2.4	Latar Belakang Berkaitan Tempoh Perkhidmatan	23
	2.4.1 Teori Keberkesanan Bandura	24
2.5	Latar Belakang Berkaitan Kekerapan Menghadiri Kursus	27
	2.5.1 Teori Pemindahan Pembelajaran	28





2.6	Latar Belakang Berkaitan Kekerapan Menjalankan Tugas Sebagai Pengiring Kepada Murid Dalam Aktiviti Luar	29
2.6.1	Teori Tingkah Laku	32
2.7	Kajian-kajian Berkaitan	33
2.8	Rumusan Kajian Berkaitan	36

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	41
3.4	Populasi kajian	41
3.4.1	Sampel kajian	43
3.5	Instrumen kajian	44
3.5.1	Bahagian A	45
3.5.2	Bahagian B	46
3.6	Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Kajian	47
3.7	Kajian Rintis	49
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	59
3.8.1	Prosedur Teknikal	60
3.8.1	Prosedur Lapangan	60
3.9	Penganalisan Data	61
3.9.1	Analisis Deskriptif	61
3.9.2	Analisis Inferensi	63



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	64
4.2	Latar Belakang Responden	65
4.3	Korelasi Antara Tempoh Perkhidmatan dengan Pengurusan Keselamatan dan Risiko	79
4.4	Korelasi Antara Kekerapan Bertugas Mengiringi Murid Dalam Aktiviti Luar dengan Pengurusan Keselamatan dan Risiko	82
4.5	Korelasi antara Kekerapan Guru Menghadiri Kursus dengan Pengurusan Keselamatan dan Risiko	85

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	89
5.2	Perbincangan	90
5.3	Kesimpulan	95
5.4	Cadangan	96
5.5	Cadangan untuk kajian akan datang	98
5.6	Penutup	100

RUJUKAN**LAMPIRAN**

- A Contoh Soal Selidik Kajian
- B Surat Kebenaran Kajian Daripada Bahagian Perancangan
Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan





SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
2.1 Teori Kemalangan	23
2.2 Kitaran Pembelajaran Kolb's	31
2.3 Kerangka Konseptual Kajian	42



SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
3.1 Jumlah responden yang terlibat dalam kajian	44
3.2 Kategori pilihan responden	46
3.3 Nilai pekali kebolehpercayaan item kajian rintis 1	48
3.4 Taburan penglibatan responden untuk kajian rintis	50
3.5 Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian rintis	51
3.6 Nilai kebolehpercayaan instrumen kajian rintis 2	51
3.7 Nilai pekali kebolehpercayaan item kajian rintis 2	52
3.8 Item-item dalam elemen pengurusan keselamatan	53
3.9 Butir lengkap item dalam elemen pengurusan keselamatan	54
3.10 Item-item dalam elemen pengurusan risiko	56
3.11 Butir lengkap item dalam pengurusan risiko	57
3.12 Markat untuk kekerapan bertugas sebagai guru pengiring	62
3.13 Markat untuk kekerapan guru menghadiri kursus	62
4.1 Taburan responden mengikut jawatan	65
4.2 Taburan responden mengikut umur	66
4.3 Taburan responden mengikut jantina	67
4.4 Taburan responden mengikut tempoh perkhidmatan	67
4.5 Taburan pengalaman mengiringi murid	68
4.6 Kekerapan mengikuti kursus	69
4.7 Analisis kekerapan guru mengikuti kursus kokurikulum	70

4.8	Analisis kekerapanguru menghadiri kursus pentadbiran dan kurikulum	71
4.9	Analisis kekerapan guru menghadiri kursus pengayaan	72
4.10	Analisis amalan keselamatan	73
4.11	Analisis perancangan risiko	76
4.12	Korelasi antara tempoh perkhidmatan dengan elemen pengurusan keselamatan	79
4.13	Korelasi antara tempoh perkhidmatan dengan pengurusan keselamatan	80
4.14	Korelasi antara tempoh perkhidmatan dengan elemen pengurusan risiko	81
4.15	Korelasi antara tempoh perkhidmatan dengan pengurusan risiko.	82
4.16	Korelasi antara kekerapan bertugas mengiring murid dalam aktiviti luar dengan elemen pengurusan keselamatan	83
4.17	Korelasi antara kekerapan bertugas mengiringi murid dengan pengurusan keselamatan	83
4.18	Korelasi antara kekerapan menjalankan tugas mengiringi murid dengan elemen pengurusan risiko	84
4.19	Korelasi antara kekerapan menjalankan tugas mengiringi murid dengan pengurusan risiko	85
4.20	Korelasi antara kekerapan menghadiri kursus dengan elemen pengurusan keselamatan	86
4.21	Korelasi antara kekerapan menghadiri kursus dengan pengurusan keselamatan	86
4.22	Korelasi antara kekerapan menghadiri kursus dengan elemen pengurusan risiko	87
4.23	Korelasi antara kekerapan menghadiri kursus dengan pengurusan risiko	88



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sekolah adalah tempat yang paling awal memberikan pendidikan formal kepada murid.

Jumlah murid yang semakin ramai di sesebuah sekolah menjadikan bidang pendidikan satu cabaran kepada golongan pendidik. Disamping berusaha memberi ilmu baru mengikut kurikulum yang disediakan, banyak lagi bidang lain yang memerlukan perhatian guru dan pengurus sekolah. Keselamatan murid semasa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah salah satu tanggungjawab pihak pengurusan sekolah. Kementerian Pendidikan telah mengedarkan beberapa Pekeliling Ikhtisas yang memberi banyak panduan dan peraturan untuk memastikan setiap langkah yang wajar diambil oleh pengurusan sekolah berkaitan keselamatan murid. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 8/1988 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia



dengan terperinci memberi penegasan supaya pihak sekolah sentiasa berwaspada terhadap kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini ke atas diri murid serta mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengelakkanya.

Kurikulum sekolah menengah negara kita menyenaraikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bidang rekreasi sebagai satu komponen penting dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Kemudahan prasarana yang terhad dalam kawasan sekolah menyebabkan pihak pengurusan sekolah terpaksa memilih lokasi di luar sekolah untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah melibatkan persekitaran yang sentiasa berubah. Kemalangan dan kehilangan nyawa boleh dielakkan sekiranya langkah keselamatan yang wajar diambil. Dougherty (1998) memberi penegasan bahawa seseorang yang sanggup menerima tanggungjawab perlu melaksanakan tugas tersebut mengikut taraf kualiti (*standard of care*) yang ditetapkan oleh profession berkaitan. Kualiti ini tidak ditentukan oleh latarbelakang, pengalaman, kemahiran, kelulusan, kematangan dan pengetahuan pengajar atau jurulatih tetapi berasaskan kepada amalan professional yang diterima pakai. Peserta atau murid yang terlibat dipertanggungjawabkan dengan keselamatan daripada risiko kecederaan tanpa



mengambil kira siapa individu yang mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran tersebut.

Pada setiap masa, keselamatan dan kebajikan murid seharusnya menjadi pertimbangan utama. Kemahiran khusus dalam aspek keselamatan disenarai sebagai salah satu daripada 12 elemen kritikal yang menentukan keberkesanan kepimpinan dalam bidang aktiviti luar (Priest & Gass, 1997). Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang kesedaran dan amalan pengurusan sekolah terhadap beberapa aspek keselamatan semasa murid menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam aktiviti luar dan rekreasi .



Ibu bapa dan penjaga menaruh harapan tinggi kepada pihak sekolah untuk

memastikan anak mereka selamat semasa menjalankan aktiviti pembelajaran di dalam atau di luar kawasan sekolah. Sehingga kini kemahiran dan kepakaran guru untuk merancang sesuatu program pembelajaran di luar kawasan sekolah tidak menjadi fokus pemantauan. Kajian ini juga bertujuan mendapat gambaran tentang pengurusan keselamatan dan risiko yang diamalkan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti rekreasi untuk murid di sekolah menengah yang terpilih dalam zon utara Semenanjung Malaysia.





Banyak situasi yang menimbulkan risiko kemalangan boleh dielakkan jika perkara asas berkaitan dengan keselamatan dipatuhi. Tanggungjawab dan peranan guru di sekolah sentiasa berubah mengikut keperluan, antaranya sebagai pemudahcara, penyelia, pengurus, pemegang amanah, jurulatih, pengajar dan pemerhati. Kesedaran dan amalan yang proaktif terhadap potensi kemalangan boleh menyelamatkan nyawa. Justeru itu, seorang guru perlu berusaha menambah pengetahuan mereka dalam bidang yang diceburinya untuk menjalankan peranan dengan lebih berkesan dan berjaya (Ab. Alim, 1994)

Priest & Gass (1997) menyokong pendapat tersebut dan menyarankan agar seorang pemimpin dalam aktiviti luar terpaksa memainkan beberapa peranan mengikut kesesuaian. Antaranya ialah sebagai pembimbing, penggiat, jurulatih, penguatkuasa, penjaga dan model yang baik. Semua peranan ini memerlukan kecekalan dan daya usaha yang tinggi. Pendidikan yang dirancang melalui kegiatan luar dan rekreasi diharapkan dapat memupuk kefahaman tentang konsep atau perkara-perkara baru disamping memperkayakan pengalaman lampau serta menimbulkan kesedaran terhadap keperluan berbeza dalam situasi alam di luar.



1.2 Penyataan masalah

Aktiviti rekreasi yang merangkumi kehendak kurikulum dan kokurikulum dilaksanakan di semua sekolah menengah di negara kita. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil 1/1989 telah menetapkan bahawa setiap murid diwajibkan melibatkan diri dalam sekurang-kurangnya satu jenis permainan atau olahraga. Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 2/1986 pula menetapkan semua murid perlu dicatat penglibatan dalam aktiviti kokurikulum melibatkan satu pasukan berpakaian seragam, kelab atau persatuan dan sukan. Kebanyakan aktiviti kokurikulum dilaksanakan di luar bilik darjah dan pengurusan keselamatan serta risiko adalah aspek penting yang perlu dititik beratkan oleh semua pengurus sekolah dan guru yang melaksana aktiviti.

Disamping menjalankan tugas merancang dan melaksanakan aktiviti kurikulum, guru diagihkan tanggungjawab melaksanakan aktiviti kokurikulum berdasarkan kepakaran, pengalaman dan keperluan di sekolah. Tidak semua guru mendapat peluang untuk bergiat dalam bidang yang diminati. Keperluan di sekolah dijadikan asas perantikan dan tanggungjawab guru perlu dilaksanakan mengikut perancangan sekolah. Sepanjang proses melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah, guru terpaksa membuat banyak keputusan segera yang melibatkan kepentingan murid. Situasi dalam aktiviti sukan, pasukan pakaian seragam dan persatuan di sekolah

sentiasa dinamik. Risiko kemalangan akan meningkat sekiranya murid melaksanakan aktiviti pembelajaran yang lebih mencabar di luar kawasan sekolah. Pemupukan kualiti sosial seperti kepimpinan, kerjasama, toleransi dan kreativiti murid dapat membantu perkembangan sahsiah murid. Pengurusan risiko dan keselamatan dalam aktiviti luar wajarnya bertumpu ke arah mengurangkan kebarangkalian untuk kehilangan nyawa atau kecederaan yang melibatkan kecacatan (Hogan, 2002). Aktiviti rekreasi seperti perkhemahan, perkelahan atau lawatan luar memerlukan persediaan yang rapi oleh guru yang terlibat. Banyak aspek perlu diberi perhatian untuk menjamin kejayaan aktiviti. Guru perlu sedar dan mengambil langkah perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh sekolah atau Kementerian Pelajaran. Amalan yang telah dijadikan rutin keselamatan perlu dijadikan panduan. Murid sekolah belum dapat membuat interpretasi keadaan dengan tepat terutamanya dalam situasi yang menawarkan cabaran baru di luar kelas. Brookes (2004) mendapati bahawa kes kemalangan dalam aktiviti luar yang paling banyak meragut nyawa adalah berkaitan aktiviti di air dan di tempat tinggi. Justru, kesedaran, amalan, penglibatan dan peranan guru sangat penting.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, penyelidik ingin untuk mendapat maklumat samada pihak pengurusan sekolah dan guru yang melaksana aktiviti kokurikulum sedar keperluan amalan untuk mengurangkan risiko kemalangan dan prosedur keselamatan yang perlu diambil semasa melaksanakan aktiviti pengajaran

dan pembelajaran dalam bidang rekreasi di sekolah-sekolah menengah terpilih dalam zon utara Semenanjung Malaysia.

1.3 Kepentingan Kajian

Keselamatan murid adalah tanggungjawab pihak pengurusan sekolah. Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan telah memberikan banyak garis panduan dan peraturan untuk memastikan setiap langkah yang wajar diambil oleh pengurusan sekolah demi memastikan keselamatan murid. Bidang rekreasi luar telah disenaraikan sebagai satu tunjang pengajaran dan pembelajaran kurikulum sekolah menengah dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Aktiviti yang dijalankan di sekolah adalah pengenalan dan kepada aktiviti dalam Pendidikan Luar. Pelaksanaan aktiviti lebih berbentuk kepada pengayaan dan penggenap (*compliment*) kepada kurikulum Pendidikan Jasmani. Aktiviti rekreasi juga dilaksanakan melalui kegiatan kelab, persatuan dan sukan yang disenaraikan dalam komponen kokurikulum di sekolah.

Kajian ini adalah untuk

- 1.3.1 menyedarkan pihak pengurusan sekolah akan kepentingan amalan pengurusan keselamatan dan risiko dalam perancangan serta pengurusan aktiviti rekreasi yang dijalankan di sekolah.

- 1.3.2 memberi pengetahuan kepada guru yang bertugas sebagai jurulatih atau fasilitator semasa aktiviti rekreasi tentang aspek penting dalam pengurusan keselamatan risiko semasa mengurus aktiviti.
- 1.3.3 menyedarkan pihak berwajib tentang amalan keselamatan yang tinggi boleh mengurangkan risiko kemalangan dalam aktiviti rekreasi yang dijalankan oleh murid
- 1.3.4 mencadangkan keperluan satu senarai semak sebagai garis panduan kepada pihak pengurusan sekolah dan guru yang melaksana aktiviti rekreasi.

1.4 Objektif Kajian

Melalui kajian ini, penyelidik berharap dapat mengenal pasti amalan pihak pengurusan sekolah dan guru yang melaksana aktiviti rekreasi di sekolah dalam aspek pengurusan keselamatan dan risiko.



- 1.4.1 Untuk mengenal pasti sama ada amalan keselamatan diberi perhatian oleh guru semasa perancangan aktiviti rekreasi
- 1.4.2. Untuk mengenal pasti sama ada guru yang terlibat memberi perhatian kepada elemen pengurusan risiko semasa melaksanakan aktiviti rekreasi untuk murid mereka.
- 1.4.3 Untuk mengenal pasti aspek yang kurang diberi perhatian dalam amalan keselamatan oleh pengurus sekolah dan guru yang merancang aktiviti rekreasi
- 1.4.4 Untuk melihat perkaitan antara tempoh perkhidmatan guru dengan amalan pengurusan keselamatan dan risiko dalam aktiviti rekreasi
- 1.4.5 Untuk melihat perkaitan antara kekerapan bertugas membawa murid keluar dengan amalan pengurusan keselamatan dan risiko dalam aktiviti rekreasi.
- 1.4.6 Untuk melihat perkaitan antara kekerapan menghadiri kursus profesional dengan amalan pengurusan keselamatan dan risiko dalam aktiviti rekreasi.



1.5 Persoalan kajian

Penyelidik berharap kajian ini dapat menjelas perkara berikut;

1.5.1 Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara tempoh perkhidmatan dengan kesedaran dan amalan dalam aspek keselamatan dan risiko oleh guru semasa perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum atau rekreasi.

1.5.2. Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara kekerapan menjalankan tugas mengiringi murid untuk aktiviti kokurikulum atau rekreasi di luar sekolah dengan kesedaran dan amalan dalam aspek pengurusan keselamatan dan risiko dikalangan guru di sekolah

1.5.3. Adakah terdapat perkaitan yang signifikan antara kekerapan menghadiri kursus dengan kesedaran dan amalan dalam aspek pengurusan keselamatan dan risiko semasa mengendalikan aktiviti kokurikulum atau rekreasi di kalangan guru.

1.6 Batasan Kajian

Kajian pengurusan keselamatan dan risiko di kalangan guru sekolah menengah terpilih dalam zon utara Semenanjung Malaysia ini dijalankan berdasarkan batasan berikut;

1.6.1 Responden kajian ini hanyalah terbatas kepada guru yang telah terlibat merancang dan melaksana aktiviti murid di luar sekolah dalam tahun 2003 hingga 2004 sahaja. Mereka terdiri daripada penolong kanan, penyelaras kokurikulum, setiausaha sukan, guru kanan subjek, jurulatih sukan, penasihat kelab, persatuan serta pasukan pakaian seragam dan guru penolong yang biasa terlibat membawa murid keluar dari kawasan sekolah untuk aktiviti. Kemungkinan terdapat responden yang tidak dapat mengingat dengan tepat peranan mereka.

1.6.2 Kesungguhan dan kejujuran responden menjawab soal selidik sukar dipastikan dan diluar kawalan penyelidik. Penyelidik mengandaikan responden tidak dipengaruhi oleh individu lain ketika menjawab soalan. Oleh itu, pengalaman responden didalam menjawab item berbentuk soal selidik juga akan memberi kesan terhadap dapatan kajian.

1.6.3 Empat belas buah sekolah dipilih berdasarkan prestasi dalam kokurikulum sepanjang tahun 2003 dan 2004 mengikut daerah pentadbiran Jabatan Pendidikan di negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Senarai sekolah yang menunjukkan prestasi terbaik dalam aktiviti kokurikulum dikemukakan oleh Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

1.6.4 Kajian ini menggunakan soal selidik yang telah dijalankan kajian rintis. Item soal selidik yang dibina merangkumi enam elemen amalan pengurusan keselamatan yang dilakukan semasa merancang aktiviti rekreasi dan sebelas elemen dalam pengurusan risiko (Priest & Gass, 1997). Untuk tujuan kajian ini, elemen berkaitan ialah:

a) Pengurusan Keselamatan

- i. Pemeriksaan Peralatan (Equipment inspection)
- ii. Taklimat Keselamatan (Safety Briefings)
- iii. Latihan Kemahiran untuk Kakitangan (Skill Trainig for Staff)
- iv. Dokumen Perundangan (Legal Documents)
- v. Penilaian Kemungkinan Bahaya (Review Potential Dangers)
- vi. Maklumat Taraf Kesihatan (Health Information)

b) Pengurusan Risiko

- i. Objektif dan rasional aktiviti
- ii. Butiran spesifik aktiviti/program
- iii. Perkhidmatan Kecemasan & Bantuan
- iv. Maklumat taraf kesihatan semua yang terlibat dan kepakaran
- v. Anggaran perbelanjaan terperinci

- x. Polisi penyebaran maklumat kepada media
- xi. Borang-borang berkaitan prosedur undang-undang

1.7 Definisi operasional

Dalam kajian ini pelbagai terminologi dan konsep digunakan dalam konteks pengurusan keselamatan dan risiko di sekolah menengah terpilih dalam zon utara Semenanjung Malaysia. Pengertian terminologi dan konsep dalam konteks kajian adalah seperti berikut:

Pengurusan Keselamatan

Satu tindakan bijak yang dilakukan dalam keadaan sedar sebagai usaha mengurangkan kesukaran atau bahaya yang mesti ditempuhi untuk mengecapi keseronokkan, kepuasan dan memenuhi naluri fizikal dan mental semasa melibatkan diri dengan aktiviti rekreasi luar (Dougherty, 1998)

Pengurusan Risiko

Satu perancangan yang melibatkan polisi, amalan dan prosedur yang diguna pakai untuk menghadapi kemungkinan berlakunya insiden yang boleh mengakibatkan kecederaan peribadi ataupun kerugian kewangan (Priest & Gass, 1997)

Rekreasi

Aktiviti yang menyeronokkan, dilakukan pada waktu senggang serta berupaya memupuk nilai-nilai sosial yang positif di kalangan individu yang terlibat (Krauss, 1990). Rekreasi dalam pendidikan bertujuan mendidik insan menggunakan masa luang dengan cara yang konstruktif. Ini melibatkan pemilihan yang berhati-hati terhadap jenis aktiviti yang ingin diceburi (Bucher, 1979). Kajian ini lebih banyak merujuk kepada aktiviti yang dijalankan di sekolah sebagai asas kepada aktiviti Pendidikan Luar dengan pendekatan untuk pengayaan atau penggenap kepada kurikulum formal.

Rekreasi Dalam (indoors)

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk memenuhi masa lapang untuk tujuan pengayaan dan memberi peluang untuk menyertai pertandingan. Contohnya ialah permainan catur, ten pin bowling dan 'darts'.

Rekreasi Luar (outdoors)

Aktiviti yang dilakukan 'diluar' dari bangunan atau bilik khusus. Contohnya ialah berkhemah, melakukan aktiviti yang melibatkan alam sekitar secara terus untuk tujuan keseronokkan dan memenuhi masa lapang dan bukan untuk pertandingan.

Rekreasi Hobi/Senggang

Aktiviti yang dilakukan untuk memenuhi kemahiran, minat atau kegemaran yang khusus. Contohnya ialah melukis, menanam bunga atau bermain muzik.

Kokurikulum

Aktiviti yang dilakukan diluar bilik darjah untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran atau pengayaan dan sokongan kepada kurikulum. Aktiviti, proses dan isi kandungan kokurikulum dilaksanakan sama ada melalui badan beruniform, persatuan, kelab, sukan dan permainan (Ab. Alim, 1995)

Sekolah Menengah Terpilih

 si.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah menengah kerajaan yang disenaraikan dalam bidang kuasa pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Sekolah tersebut dipilih berdasarkan prestasi yang ditunjukkan dalam aktiviti kokurikulum dalam tahun 2003 dan 2004 sahaja.

Guru

Guru terlatih yang sedang bertugas dan telah disahkan dalam jawatan. Terlibat merancang, melaksana dan menguruskan murid dalam aktiviti kokurikulum atau rekreasi di sekolah kajian.

Kemalangan

Satu situasi yang menyebabkan berlakunya kecederaan atau kehilangan nyawa kepada murid yang terlibat melakukan aktiviti. Kecederaan boleh berlaku kepada fizikal, mental atau sosial (Priest & Gass, 1997)

Jurulatih

Individu yang diberi kuasa melaksanakan proses latihan untuk memperolehi sesuatu kemahiran baru atau pengayaan oleh murid

Amalan

Satu set perlakuan yang dilakukan sebagai kebiasaan yang konsisten (Kamus Dewan,

1986) 05-4506832